
KATEGORI PENDAPAT PAKAR SEBAGAI KAEDAH PEMBUKTIAN DI MAHKAMAH SYARIAH: SATU PENILAIAN

CATEGORY OF EXPERT OPINION AS A METHOD OF EVIDENCE IN SHARIAH COURT: AN EVALUATION

ⁱ Nornadia binti Abd Aziz, ⁱⁱ Nur Ainaa Adilah binti Jasmi, ⁱⁱⁱ * Suhaizad Saifuddin & ^{iv} Lukman Abdul Mutalib

^{iii,iii, iv} Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱⁱ Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Corresponding Author: suhaizad@ukm.edu.my

ABSTRACT

The use and acceptance of expert evidence and opinions in Shariah Courts in Malaysia remain limited compared to Civil Courts. This issue arises because cases in Shariah Courts are often considered less complex in terms of facts and law, reducing the perceived need for expert involvement. However, there is a growing necessity to recognize the role of experts, especially in cases involving technical issues such as forensic science, medicine, paternity determination, and others. This study employs a comparative analysis methodology, examining the legal provisions within the Shariah Evidence Enactment and the Evidence Act 1950, alongside case studies from both Shariah and Civil Courts, to evaluate how expert evidence is received and utilized. The research applies comparative analysis and content analysis methods. Findings show that while the Shariah Evidence Enactment provides for the role of experts, its implementation remains limited due to vague provisions and the lack of recognition of a broader category of experts. This results in a lack of openness in accepting technical evidence, which could assist judges in making more accurate decisions. Therefore, this article recommends reforms by amending the provisions in the Shariah Court Evidence Enactment. These reforms will enable a clearer and broader acceptance of expert evidence, thus enhancing justice in the trial process within Shariah Courts

Keywords: *Islamic evidence, expert opinion, Shariah Court Evidence Enactment, Shariah Court, Evidence Act.*

ABSTRAK

Penggunaan dan penerimaan keterangan serta pendapat pakar di Mahkamah Syariah di Malaysia masih terhad berbanding di Mahkamah Sivil. Permasalahan ini timbul kerana kes-kes di Mahkamah Syariah sering dianggap kurang kompleks dari sudut fakta dan undang-undang, justeru penglibatan pakar dilihat kurang diperlukan. Namun, terdapat keperluan untuk mengiktiraf peranan pakar, terutama dalam kes yang melibatkan isu teknikal seperti sains forensik, perubatan, penentuan nasab dan sebagainya. Kajian ini menggunakan metodologi analisis perbandingan terhadap peruntukan undang-undang dalam Enakmen Keterangan Syariah dan Akta Keterangan 1950, serta kajian kes di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil untuk menilai bagaimana keterangan pakar diterima dan digunakan. Kaedah analisis perbandingan dan analisis kandungan di aplikasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun Enakmen Keterangan Syariah memperuntukkan peranan pakar, pelaksanaannya masih terhad kerana peruntukan yang tidak jelas dan kategori pakar yang diiktiraf. Hal ini menyebabkan kekurangan keterbukaan dalam penerimaan keterangan teknikal yang boleh membantu hakim dalam membuat keputusan yang lebih tepat. Oleh itu, artikel ini mencadangkan penambahbaikan melalui pindaan terhadap peruntukan di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Ini akan membolehkan penerimaan keterangan pakar yang lebih jelas dan meluas di samping meningkatkan keadilan dalam proses perbicaraan di Mahkamah Syariah.

Kata Kunci: *Keterangan Islam, pendapat pakar, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, Akta Keterangan, Mahkamah Syariah.*

Pengenalan

Pembuktian melalui keterangan pakar merupakan salah satu kaedah pembuktian yang diiktiraf dalam Islam dan diperuntukkan di bawah Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003. Negeri-negeri lain di Malaysia juga memperuntukkan hal yang sama dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah masing-masing. Penggunaan keterangan pakar sangat diperlukan, terutamanya apabila mahkamah tidak mempunyai pengetahuan khusus dalam bidang tertentu. Sebagai contoh, dalam kes jenayah, mahkamah sering kali meminta pihak pendakwa dan pembela mengemukakan keterangan pakar untuk menyokong hujah dan dakwaan mereka. Dalam kes *mal*, seperti kes-kes yang melibatkan kecederaan, keterangan daripada doktor perubatan adalah sangat penting untuk memberikan pandangan teknikal dan profesional mengenai kecederaan tersebut.

Keterangan pakar memainkan peranan kritikal dalam membantu mahkamah menangani isu-isu yang berada di luar pengetahuan umum hakim. Ini memberi mahkamah pandangan yang lebih menyeluruh dan tepat dalam membuat keputusan yang adil. Walau bagaimanapun, penulisan dan kajian mengenai aplikasi keterangan pakar dalam kes-kes Syariah, baik dalam konteks jenayah mahupun mal, masih kurang mendapat perhatian berbanding kajian mengenai pendapat pakar dalam undang-undang sivil.

Walaupun Enakmen Keterangan Syariah negeri-negeri melalui peruntukan Seksyen 33 hingga 39 membenarkan pendapat pakar dikemukakan di Mahkamah Syariah, penggunaan keterangan pakar dalam ruang lingkup Mahkamah Syariah masih terhad. Hal ini menyebabkan perkembangan undang-undang keterangan berkenaan pakar kurang berkembang seiring dengan keperluan semasa. Sering kali, rujukan perlu dibuat kepada kaedah yang digunakan oleh Mahkamah Sivil dalam menilai kebolehterimaan pendapat pakar. Sebagai contoh, Arahan Amalan No. 10 Tahun 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) hanya menyentuh tentang keterangan pakar daripada agensi berkaitan sebelum Mahkamah membuat perintah mengenai hadhanah atau nafkah anak. Namun, ketiadaan kompilasi Arahan Amalan yang lebih menyeluruh atau fatwa yang berkaitan dengan kebolehterimaan pendapat pakar dalam prosiding di Mahkamah Syariah telah menghadkan perkembangan undang-undang keterangan berkenaan.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk melakukan analisis mendalam terhadap penulisan dan kajian lalu yang berkaitan dengan maksud, kebolehterimaan, serta kerelevanan pendapat pakar dalam undang-undang Syariah. Ini termasuklah kajian perbandingan dengan undang-undang sivil untuk melihat bagaimana kedua-dua sistem ini dapat saling melengkapi, serta bagaimana penambahbaikan boleh dibuat dalam Mahkamah Syariah untuk memperluaskan peranan pakar dalam pembuktian kes-kes yang semakin kompleks.

Sorotan Literatur

Keterangan Pakar Menurut Perspektif Islam

Pendapat keterangan pakar dalam Bahasa Arab disebut sebagai *Ra'yu al-Khabir* atau *al-Khabir* bermaksud kesaksian seseorang yang berkeahlian tentang sesuatu bidang (Ibn Qayyim, 1977). Dalam *al-Mu'jam al-Wasit* dinyatakan *al-Khabir* adalah orang yang mengetahui hakikat atau kebenaran sesuatu perkara (Ibrahim Mustafa 1990). Nama lain bagi *al-Khabir* adalah *ahl al-khibrah*, *ahl al-ma'rifah*, *ahl al-ilm* dan *ahl al-basar* (Irwan.MS & Fakhri.Z, 2016). Selain itu, dalam kamus *Lisan al-'Arab* menyatakan keterangan pakar adalah pendapat atau pandangan yang dikeluarkan oleh orang yang mengkaji atau yang berpengetahuan luas dalam sesuatu bidang (Ibn Manzur, 2006).

Kaedah keterangan pakar telah diguna pakai sejak zaman pemerintahan Rasulullah SAW dan diiktiraf melalui beberapa kes yang berlaku. Contohnya adalah Kisah Usamah ibn Zayd dan Mujazziz al-Mudlajy adalah peristiwa penting dalam sejarah awal Islam yang berkaitan dengan isu nasab, identiti, dan status sosial. Kisah ini memberi pengajaran mendalam tentang keadilan dan bagaimana Rasulullah SAW menangani isu-isu seperti fitnah dan keraguan yang timbul dalam masyarakat. Usamah ibn Zayd adalah anak kepada Zayd ibn Harithah, bekas hamba yang dibebaskan dan diangkat menjadi anak angkat oleh Rasulullah SAW. Zayd berkulit lebih gelap, manakala Usamah mempunyai kulit yang lebih cerah, yang menyebabkan sebahagian masyarakat pada waktu itu menimbulkan keraguan mengenai nasab Usamah. Mereka mempersoalkan sama ada Usamah benar-benar anak kandung Zayd. Pada suatu ketika, seorang ahli fisiognomi (pakar dalam menilai ciri-ciri fizikal seseorang untuk menentukan identiti atau keturunan), iaitu Mujazziz al-Mudlajy, melihat Usamah dan Zayd sedang tidur bersama. Mujazziz menyatakan bahawa "Kaki-kaki ini berasal dari sumber yang sama," yang bermaksud bahawa ciri-ciri fizikal mereka menunjukkan bahawa Usamah dan Zayd benar-benar mempunyai hubungan darah sebagai anak dan bapa. Kenyataan Mujazziz ini menenangkan masyarakat dan mengesahkan bahawa Usamah adalah anak kandung Zayd. Insiden ini menekankan pentingnya tidak membuat penilaian berdasarkan penampilan luar dan memberi pengajaran tentang keadilan serta perlakuan sama rata dalam Islam, tanpa memandang status sosial atau sejarah latar belakang seseorang. Melalui kes ini, dapat dilihat kaedah keterangan pakar melalui DNA adalah diiktiraf dalam mahkamah boleh diterima pakai sebagai hujah. Firman Allah SWT:

وَفَسَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Bertanyalah kamu kepada ahl al dhikr (orang yang mengetahui) jika kamu tidak mengetahui*”(Surah al-Anbiya’:7). *Ahl al-dhikr* dalam ayat di atas adalah dikenali sebagai pakar. Oleh itu, merujuk kepada ayat di atas menunjukkan keperluan dan galakan untuk merujuk kepada golongan yang lebih pakar dalam sesuatu bidang.

Berdasarkan dalil al-Quran, sabda Rasulullah SAW, sebarang masalah yang berlaku dalam bidang tertentu perlu meminta pendapat daripada pakar iaitu *ahl al-dhikr* dalam bidang tersebut bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham dalam masyarakat. Hakikatnya, keterangan pakar telah mula diguna pakai sejak zaman Rasulullah SAW dan zaman pemerintahan sahabat dan bukan zaman perundangan “*common law*” seperti yang disangka oleh sesetengah pihak (Mohd Sabree.N, 2017).

Pandangan ulama mengenai keterangan pakar dapat dilihat melalui beberapa pendapat. Al-Nawawi (1991) berpendapat bahawa jika seorang pakar (*ahl al-ma'rifah*) dalam urusan jual beli menyatakan bahawa terdapat kerosakan pada barang tersebut, maka barang itu dianggap rosak dan tidak boleh dijual. Seterusnya, menurut al-Zayla'yy (1892), wanita adalah tempat rujukan mengenai kehamilan, manakala doktor atau pakar kesihatan merupakan pihak yang dirujuk berkaitan penyakit dan masalah kesihatan. Al-Kasaniyy (1986) pula menyatakan bahawa walaupun sesuatu penyakit itu tidak jelas, doktor atau doktor haiwan dapat membuktikannya kerana mereka mempunyai pengetahuan dalam bidang tersebut. Selain itu, Al-Mawwaq (1994) berpendapat bahawa jika tiada ahli dalam bidang ilmu tertentu seperti doktor atau pakar kesihatan untuk mengenal pasti rahsia penyakit, maka nasihat atau kata-kata selain daripada orang yang berpengetahuan (*ahl al-ma'rifah*) dalam bidang tersebut tidak boleh diterima.

Keterangan Pendapat Pakar di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah

Peruntukan yang merujuk kepada keterangan pendapat pakar boleh dirujuk melalui seksyen 33 hingga 39 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah iaitu berkaitan dengan keadaan apabila sesuatu pendapat orang ketiga menjadi *Qarinah* dalam maksud sebagai relevan untuk dikemukakan kepada mahkamah.

Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah memperuntukkan penggunaan pendapat pakar sebagai *Qarinah* dalam kes-kes tertentu. Seksyen ini menyatakan bahawa apabila mahkamah perlu membuat keputusan mengenai isu berkaitan undang-undang negara asing, sains, seni, identiti, ketulenan tulisan tangan atau cap jari, serta penentuan nasab, pendapat orang yang mempunyai kemahiran dalam bidang-bidang tersebut dianggap sebagai *Qarinah*. Individu yang memberikan pendapat berdasarkan kemahiran khusus dalam perkara-perkara yang disebut di atas dipanggil pakar. Seksyen ini juga menetapkan bahawa, jika boleh, dua orang pakar atau lebih harus dipanggil untuk memberikan keterangan. Namun, jika hanya satu orang pakar yang tersedia, pendapat pakar tunggal tersebut adalah memadai. Jika terdapat perbezaan pendapat antara dua pakar, mahkamah perlu menilai perbezaan tersebut untuk membuat keputusan. Secara keseluruhannya, seksyen ini menekankan kepentingan pendapat pakar dalam membantu mahkamah membuat keputusan yang adil, terutama dalam isu-isu teknikal atau kompleks yang di luar bidang pengetahuan umum hakim.

Pada seksyen berikutnya, iaitu seksyen 34 menyatakan bahawa fakta yang biasanya bukan *Qarinah* (relevan) boleh menjadi *Qarinah* (relevan) jika fakta tersebut menyokong atau tidak konsisten dengan pendapat pakar, apabila pendapat pakar itu dianggap sebagai *Qarinah* (relevan). Ini bermaksud, dalam kes di mana pendapat pakar digunakan sebagai *Qarinah* (relevan), fakta lain yang relevan dengan pendapat tersebut (sama ada menyokong atau bertentangan dengannya) juga boleh dianggap sebagai *Qarinah* (relevan), walaupun secara normalnya fakta tersebut tidak dikira sebagai *Qarinah* (relevan). Seksyen 35 memperuntukkan perihal bila pendapat tentang tulisan tangan ialah *Qarinah*, jika seseorang mengetahui tentang tulisan seseorang ia juga boleh memberi keterangan bahawa dia mengetahui tulisan tersebut merupakan tulisan plaintif atau defendan. Walaubagaimanapun, nilai sesuatu keterangan pakar yang berkaitan dengan tulisan tangan adalah berbeza-beza. Terdapat pandangan yang berpendapat bahawa keterangan pakar mengenai tulisan tangan hendaklah diterima dengan berhati-hati. Ini adalah disebabkan kerana setiap daripada saksi pakar tulisan tangan mempunyai teori yang tersendiri dan berbeza-beza. Tambahan pula, mereka dibayar untuk memberi keterangan oleh pihak yang memanggil mereka. Oleh itu adalah berbahaya untuk mensabitkan seseorang tertuduh hanya dengan berdasarkan kepada keterangan pendapat pakar semata-mata, tanpa keterangan sokongan yang lain. Kategori tulisan tangan bukan sahaja diiktiraf sebagai salah satu kategori pendapat pakar, namun kategori ini juga turut dinyatakan secara khusus pada seksyen 35 yang boleh difahami sebagai salah satu daripada kategori keterangan pendapat “bukan pakar”.

Seksyen 36 menjelaskan bahawa apabila Mahkamah perlu membuat keputusan mengenai kewujudan sesuatu hak atau 'urf (kebiasaan atau adat), pendapat daripada seseorang yang mungkin tahu mengenai kewujudan hak atau 'urf tersebut boleh dianggap sebagai fakta relevan. Dengan kata lain, jika seseorang individu mempunyai pengetahuan tentang kewujudan sesuatu hak atau adat dalam komuniti berkenaan, pendapat mereka boleh dianggap sebagai fakta relevan yang boleh membantu Mahkamah membuat keputusan mengenai kes yang sedang dibicarakan. Sementara seksyen 37 menjelaskan bahawa pendapat seseorang yang memiliki pengetahuan khusus mengenai perkara tertentu dianggap sebagai fakta relevan dalam situasi tertentu apabila Mahkamah perlu membuat keputusan berkenaan kelaziman dan rukun sesuatu kumpulan orang atau keluarga atau penubuhan dan pentadbiran yayasan agama atau kebajikan; dan pengertian perkataan atau istilah yang digunakan di kawasan tertentu atau oleh kumpulan tertentu.

Berikutnya Seksyen 38 menjelaskan bahawa apabila Mahkamah perlu membuat keputusan mengenai hubungan antara dua individu, pendapat yang timbul daripada kelakuan orang yang mempunyai pengetahuan khusus tentang hubungan tersebut boleh dianggap sebagai fakta relevan. Ini termasuk orang yang merupakan anggota keluarga atau pihak lain yang mempunyai cara tertentu untuk mengetahui hubungan tersebut. Seksyen 39 menjelaskan bahawa apabila pendapat seseorang dianggap sebagai fakta relevan, maka alasan atau asas yang digunakan oleh individu tersebut untuk membentuk pendapatnya juga dianggap sebagai fakta relevan. Ini bermaksud bukan sahaja pendapat yang diambil kira, tetapi juga bukti atau langkah-langkah yang menyokong pendapat tersebut diiktiraf sebagai fakta

yang relevan dalam kes berkenaan. Secara ringkas, apabila seseorang pakar menyokong pendapatnya dengan kaedah atau bukti tertentu, kaedah dan bukti tersebut juga diiktiraf sebagai fakta relevan oleh Mahkamah dan memainkan peranan dalam membantu hakim membuat keputusan yang lebih tepat.

Kategori Pakar Menurut Peruntukan Enakmen Keterangan Syariah

Berdasarkan peruntukan seksyen 33 Enakmen Keterangan Syariah. Terdapat beberapa kategori yang boleh dikenal pasti daripada peruntukkan tersebut. Keterangan pendapat yang dinyatakan pada peruntukan di atas adalah terbahagi kepada dua iaitu keterangan pendapat pakar dan keterangan pendapat bukan pakar. Perbincangan ini akan menfokuskan kepada keterangan pendapat pakar. Kebanyakan ahli akademik menggunakan istilah “kategori” bagi menunjukkan jenis-jenis disiplin ilmu yang diiktiraf dalam undang-undang keterangan (Jal Zabdi, 2004: 120; Ramalinggam, 2017; Mohd Sabree & Ruzman, 2020: 37). Kategori pendapat pakar ini terbahagi kepada enam kategori seperti berikut:

i. *Undang-undang Negara Asing*

Frasa undang-undang negara asing tidak membawa maksud kepada undang-undang negara lain sahaja tetapi juga membawa maksud undang-undang yang di luar bidang kuasa Mahkamah Syariah. Sebagai contohnya apabila melibatkan perkara-perkara hartanah, Mahkamah Syariah perlu merujuk kepada Kanun Tanah Negara kerana tanah melibatkan dua bidang kuasa iaitu bidang kuasa persekutuan dan juga bidang kuasa negeri. Contoh lain yang menggunakan undang-undang negara asing ini juga ialah perkara yang melibatkan perbankan yang memerlukan kepada pengetahuan yang lebih pakar di dalam bidangnya. Undang-undang negara asing diperlukan kerana perkara-perkara tersebut kadangkala adalah di luar pengetahuan Hakim Syarie dan sebahagian besar para Hakim Syarie tidak mempunyai kelulusan dalam bidang tersebut. Oleh itu, keterangan pendapat pakar dalam kategori ini amatlah diperlukan, bagi memastikan sesebuah kes tersebut dapat mencapai keadilan yang sepatutnya (Mohd Sabree.N & Ruzman.MN, 2021: 172-19).

ii. *Sains atau Seni*

Bagi kategori sains atau seni, tiada tafsiran yang jelas terhadap frasa sains tersebut di dalam undang-undang. Namun demikian, Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 memperuntukkan bahawa pendapat mengenai “*sains atau seni*” oleh orang yang khasnya mahir dalam sains atau seni itu adalah fakta relevan menurut seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Dengan itu pendapat berkenaan boleh diterima oleh mahkamah. Orang yang memberi keterangan atau pendapat itu dipanggil pakar.

Tiada tafsiran lanjut dalam Akta Keterangan 1950 mahupun Enakmen Keterangan Syariah bagi frasa “*sains atau seni*” itu. Walaupun maksud sains atau seni tidak didefinisikan dalam mana-mana status keterangan, mahkamah telah memberikan makna yang luas akan maksud sains dan seni itu. Dalam kes *Chandrasekaran & Ors v Pendakwa raya [1971] 1 MLJ 153, hlm 159*, Raja Azlan Shah memberikannya satu makna yang fleksibel dengan menyatakan bahawa:

“The expression ‘science or art’ is elastic enough to be given a liberal interpretation.”

Rentetan itu, dalam kes ini, perkataan sains atau seni telah diputuskan sebagai termasuk tulisan bertaip. Hakim Raja Azlan Shah menyatakan bahawa tulisan bertaip memerlukan analisis saintifik sama seperti tulisan tangan dan juga kesan cap jari. Dalam kes *Hisham Halim lwn. Maya Dato' Ahmad Fuad [2018] 1 MSLR*, dimana kes ini melibatkan tuntutan sabitan nusyuz, Defendan telah mengemukakan keterangan berbentuk dokumentar iaitu rakaman audio perbalahan antara Defendan dan Plaintiff yang turut dibuat secara bertulis hasil percakapan lisan Defendan dan Plaintiff tersebut. Ketulenan dokumen ini telah disahkan oleh Encik Mohammad Zahid Bin Ismail, saksi Defendan pertama ini. Beliau merupakan pegawai daripada *Cyber Security Malaysia* berjawatan sebagai Juru Analisis Forensik Digital pengkhususan bahan bukti berbentuk digital.

Di samping itu, keterangan seorang doktor perubatan telah menjadi amalan biasa dalam pertikaian kes di Mahkamah Sivil terutama yang melibatkan kecuaiian di hospital (*medical negligence*).

Kebolehterimaan pandangan doktor perubatan psikiatri Hospital Kuala Lumpur, Dr Ang Jing Kiat bersama dengan dua orang pakar lain yang berkaitan bidang psikiatri dan psikologi telah diterima oleh hakim-hakim Mahkamah Rayuan dalam kes *Muhammad Juzaili & dll lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & dll* untuk mengesahkan bahawa perayu-perayu adalah penghidap penyakit *Gender Identity Disorder (GID)*.

Kedudukan pendapat pakar perubatan di Mahkamah Syariah adalah relevan dan boleh diterima pakai sebagai satu kaedah keterangan. Merujuk kepada kes keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah, Hakim Syarie tidak pernah menafsirkan keterangan yang dikemukakan oleh pakar perubatan merujuk kepada kategori yang mana satu. Kebiasaan pendekatan yang diamalkan adalah dengan menyebut peruntukan seksyen 33 secara umum. Antara contoh kes yang diputuskan di Mahkamah Syariah yang merujuk kepada keterangan pendapat pakar perubatan adalah kes *Pendaftar, Perkahwinan, Penceraian dan Rujuk Orang Islam Daerah Melaka Tengah lwn. Mohd Sofian bin Mohd & Zaiton binti Aziz (Kes Mal No: 04500-042-0002-2008)*. Dalam kes ini, Hakim Syarie telah meminta keterangan pakar perubatan, namun tidak mentafsirkan keterangan tersebut berada dalam kategori yang mana.

Secara keseluruhannya, prinsip-prinsip yang terkandung dalam Hukum Syarak' serta peruntukan berkaitan keterangan syariah telah mengiktiraf kerelevanan dan kebolehterimaan pandangan pakar perubatan. Pandangan pakar perubatan sangat diperlukan dalam kes-kes yang melibatkan perisetubuhan haram. Tanpa bantuan pakar perubatan, adalah sukar untuk pendakwa raya membuktikan *prima facie* kes itu terhadap tertuduh. Adalah terpujang kepada kebijaksanaan hakim untuk menilai (*to weigh*) pandangan pakar perubatan tersebut sebelum memutuskan kesalahan zina telah berlaku. (Ahmad Azam.MS, Ramalinggam Rajamanickam & Haritarshini Selvaraj, 2019). Menjadi satu kebarangkalian yang berlaku di Mahkamah Syariah bahawa pandangan pakar perubatan sukar diletakkan dibawa mana-mana kategori pakar yang bersesuaian dengan peruntukan seksyen 33 enakmen keterangan syariah tersebut.

iii. *Identiti*

Seorang pakar juga boleh memberi keterangan mengenai identiti berdasarkan kepada kajian yang beliau jalankan. DNA adalah unik bagi setiap individu sebagaimana cap jari. Penemuan ini telah menarik perhatian saintis forensik sebagai cara untuk mengenal pasti asal usul bukti biologi seperti darah, air mani, rambut, tulang atau tisu badan dan mengaitkan bukti ini dengan seseorang individu. Teknologi DNA digunakan di makmal seluruh dunia dan analisis ini menjadi amat penting dalam menentukan sama ada seseorang itu bersalah atau tidak. Kebolehterimaan pendapat di Mahkamah Syariah boleh dilihat dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli Bin Abdul Japar [1428H] JH XXIII/II* apabila keterangan Pakar DNA daripada Jabatan Kimia Malaysia diterima sebagai *Qarinah*. Dalam kes ini, hakim telah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan melakukan perisetubuhan haram sehingga melahirkan anak luar nikah di bawah seksyen 80(1) Enakmen kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995 yang membawa hukuman penjara 3 tahun atau denda 5 ribu ringgit atau 6 kali sebatan atau kedua-duanya sekali. Tertuduh telah dibuktikan bersalah berdasarkan keterangan pakar dan pembuktian secara saintifik melalui laporan ujian DNA yang telah dijalankan oleh pakar DNA dari Jabatan Kimia Malaysia terhadap Hasmawi Abdullah (anak luar nikah), Murni binti Muhammad (ibu kandung Hasmawi), dan Rosli bin Abdul Japar (OKT). Hasil ujian mendapati terdapat hubungan darah antara Hasmawi dengan OKT. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Keningau Sabah telah menerima pembuktian saintifik melalui analisis DNA ini berlandaskan seksyen 86(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992 dan juga seksyen 190(1) dan (2) Enakmen Prosedur Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1993 disebabkan pihak OKT gagal menafikan pembuktian saintifik melalui analisis DNA tersebut.

Mahkamah juga telah menerima hujah Pendakwa Syarie bahawa wujudnya *Qarinah* yang kuat mengaitkan kesalahan tertuduh (sehingga melahirkan anak luar nikah) yang telah berjaya dibuktikan melalui kaedah saintifik. Pihak pembelaan dalam kes ini menghujahkan keterangan pakar DNA tidak boleh diterima kerana bertentangan dengan peruntukan seksyen 86(1), Enakmen Keterangan Mahkamah Negeri Sabah 1992 yang memperuntukkan: "Keterangan kes zina yang membawa hukuman Hudud tidak boleh diterima kecuali ia disaksikan oleh 4 orang lelaki". Walau bagaimanapun, hakim bicara memutuskan beban pembuktian dalam seksyen 86(1) tidak terpakai dalam kes yang sedang

dibicarakan. Hal ini berikutan sekiranya kesalahan disabitkan ke atas tertuduh, hukuman yang boleh dikenakan bukanlah hukuman hudud tetapi hanyalah hukuman ta'zir. Oleh itu, Pendakwa Syarie tidak terikat untuk membawa 4 orang saksi lelaki.

Hakim bicara selanjutnya menyatakan: “seksyen 86(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992 telah memberi laluan yang lebih luas kepada Pendakwa Syarie untuk menggunakan cara pembuktian lain yang lebih sesuai bagi membuktikan wujudnya kesalahan zina agar hukuman ta'zir dapat diputuskan ke atas diri tertuduh”. Dalam kes ini, bukti melalui keterangan pakar secara saintifik iaitu melalui ujian DNA adalah cara yang paling sesuai untuk membuktikan kesalahan persetubuhan haram yang dilakukan tertuduh. Melalui keterangan pakar ini juga, beban pembuktian untuk mensabitkan sesuatu kesalahan atau jenayah lebih mudah diperolehi di samping *Qarinah* ini diiktiraf dalam undang-undang Islam (Mohd Noor Daud 2015).

iv. Tulisan Tangan

Kebiasaannya tulisan tangan dapat dikenal pasti sekiranya terdapat ciri individu yang mencukupi dalam sesuatu tulisan itu atau terdapat sampel tulisan contoh yang boleh mempamerkan ciri asli seorang penulis tersebut. Walau bagaimanapun, keterangan pakar berkaitan dengan tulisan tangan di Mahkamah Syariah adalah diragui dari sudut nilai sesuatu keterangan tersebut. Ada yang berpandangan bahawa pembuktian keterangan pakar khususnya berkaitan tulisan tangan hendaklah diterima dengan berhati-hati atas faktor setiap daripada saksi pakar tulisan tangan mempunyai teori yang tersendiri. Lebih-lebih lagi apabila mereka dibayar untuk memberi keterangan oleh pihak yang memanggil mereka. Maka, adalah berbahaya sekiranya seseorang tertuduh itu disabitkan kesalahannya hanya berdasarkan kepada keterangan pendapat pakar semata-mata sahaja, tanpa apa-apa keterangan sokongan yang lain. Namun pun begitu, kategori keterangan pakar tulisan tangan masih diiktiraf sebagai salah satu pendapat pakar dalam undang-undang yang mana bukan sahaja diiktiraf sebagai pendapat pakar, malah juga diperuntukkan khusus di Seksyen 35 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Mohd Sabree & Ruzman, 2020).

v. Cap Jari

Cap jari merupakan istilah yang merujuk kepada corak permukaan kulit pada jari yang turut merangkumi corak pada tapak tangan. Terbentuknya corak cap jari adalah daripada rabung (ridges) dan lekuk (furrows) pada permukaan kulit. Cap jari juga adalah termasuklah tapak dan jari kaki (Gurdoglyan, 2001). Kebiasaannya cap jari digunakan sebagai kaedah yang tepat bagi mengenal pasti identiti seseorang individu secara unik. Antara contoh peranannya, melalui cap jari yang ditemui di tempat kejadian jenayah, ia boleh digunakan untuk menghubungkan di antara tertuduh dan mangsa jenayah yang disiasat. Berdasarkan prinsip "*Locard's Exchange*" "apabila dua objek bersentuhan antara satu sama lain, maka berlakunya pertukaran bahan di antara mereka". Hal ini bermakna, apabila seseorang itu memegang atau mempunyai hubungan dengan permukaan lain, seseorang itu akan meninggalkan kesan cap jari pada permukaan yang satu lagi. Faktanya, corak cap jari bagi seseorang individu tidak akan berubah sepanjang hayatnya melainkan jika berlaku kemalangan yang menyebabkan lebam atau terputus jari. Walau bagaimanapun jika sel bercantum semula, corak yang sama akan dihasilkan.

Pembuktian melalui cap jari juga sebenarnya telah dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud: “Patutkah manusia (yang kafir) menyangka bahawa kami tidak akan dapat mengumpulkan tulang-belulangannya (dan menghidupkannya semula)? Bukan sebagaimana yang disangka itu, bahkan Kami berkuasa menyusun (dengan sempurnanya) segala tulang jari-jemarinya dengan sempurna” (Surah al-Qiyamah: 3-4). Jelaslah bahawa matlamat utama cap jari digunakan oleh pakar adalah untuk tujuan pengecaman seseorang. Di Mahkamah Syariah, penggunaan cap jari ini dilihat mempunyai perkaitan dengan ilmu sains mahupun kategori identiti kerana sedikit sebanyak mempunyai persamaan melalui peranannya. Oleh kerana kurangnya pentafsiran dan ulasan daripada Hakim Syarie berkaitannya maka ia dilihat wujudnya pertindihan dan menyukarkan dalam menentukan kategori yang sesuai untuk diguna pakai dalam sesuatu kes (Mohd Sabree & Ruzman, 2020).

vi. Penentuan Nasab

Kategori penentuan nasab merupakan kategori yang diperuntukkan secara khusus di Mahkamah Syariah sahaja kerana Akta Keterangan 1950 tidak memperuntukkan kategori tersebut. Sedia maklum, dalam menentukan kesahihan hubungan antara ibu bapa dan anak di sisi undang-undang, kesahatarafan merupakan konsep paling asas yang perlu dibuktikan wujud (Fatimah.Y & Anisa.CN & Mohammad Azhan, 2018). Kesahatarafan ialah konsep undang-undang dimana seseorang anak itu diiktiraf sebagai ahli keluarga dan mempunyai hak dari aspek undang-undang. Boleh dirujuk contoh kes *Eddyham Bin Zainuddin lwn. Rahimah Binti Muhamad JH 40 BHG. 2 1436H*, dimana dalam kes ini pendapat pakar penentuan nasab adalah merujuk kepada pensabitan nasab dan bukannya untuk menafikan nasab. Dalam kes ini, hakim telah menolak keterangan pakar DNA kerana didapati pemohon sebenarnya ingin membuat permohonan berkaitan penafian nasab. Berdasarkan nas dan autoriti yang dikemukakan oleh hakim, hanya terdapat satu kaedah sahaja yang boleh digunakan untuk menafikan nasab, iaitu melalui kaedah li'an. Laporan DNA tersebut hanya boleh digunakan oleh perayu untuk menguatkan keyakinan perayu bagi melakukan qazaf dan berli'an sahaja.

Kes lain yang boleh dirujuk adalah kes *Wan Khairi Wan Azmi dan Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344* dimana Pemohon membuat permohonan penentuan nasab terhadap anak yang dilahirkan oleh isterinya sebagai anak yang sah taraf. Mahkamah memutuskan berdasarkan fakta, keterangan kes dan hukum syarak bahawa anak itu dilahirkan dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat dari tarikh akad nikah perkahwinan, dan mahkamah berpuas hati bahawa pasangan tersebut adalah suami isteri. Walau bagaimanapun terdapat keraguan pada fakta kes ini yang mana secara logiknya keadaan seseorang bayi yang dilahirkan itu adalah dalam keadaan sihat dan mempunyai berat yang tidak mungkin dikategorikan sebagai bayi pramatang yang dilahirkan dalam tempoh enam bulan empat hari sahaja. Ia menunjukkan bahawa pembenihan anak ini telah berlaku sebelum kedua ibu bapanya diakad nikahkan, sekali gus menjadikan anak tersebut adalah anak hasil dari hubungan luar nikah atau anak zina. Namun, mahkamah tidak mengambil kira analogi itu. Dalam kes ini, sekiranya fakta sains dari pakar sakit puan diambil kira, maka hakikat tempoh kehamilan sebenar akan menzahirkan kedudukan anak tersebut sebagai anak yang tidak sah taraf, dan sudah tentu keputusan kes ini akan berbeza sekiranya pendapat seorang Khibrah dibawa (Fatimah.Y & Anisa.CN C & Mohammad Azhan, 2018).

Umumnya, terdapat dua perbincangan penting yang perlu difahami daripada aspek penentuan nasab menurut Islam. Pertama adalah berkaitan pensabitan nasab dan yang kedua adalah berkaitan penafian nasab. Setelah diteliti, melalui kes-kes yang dibincangkan, undang-undang hanya mengiktiraf pemakaian keterangan pendapat pakar dalam kes penentuan nasab sahaja dan bukannya kes berkaitan penafian nasab. Sebagai tambahan dalam konteks semasa, penentuan nasab boleh dikenal pasti melalui kaedah sains forensik sebagai contoh melalui trait fizikal dan serologi darah (Ahmad Syukran, 2015: 18). Maka, kategori penentuan nasab ini juga sebenarnya dilihat tidak lari daripada perbincangan sains dan identiti.

Perbincangan dan Dapatan

Maksud dan Takrifan Pakar

Keterangan pakar menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat adalah sesuatu pandangan atau anggapan ahli yang mahir dan pandai dalam sesuatu bidang untuk dirujuk atau dirunding sebelum menyelesaikan atau melaksanakan sesuatu (Noresah Baharom, 2010). Keterangan seseorang pakar itu boleh dikeluarkan untuk menyokong pendapat yang dikemukakan kepada mahkamah dengan melihat sesuatu fakta, membincangkan penyelidikan yang telah dijalankan dan merujuk kepada kes-kes lain sebagai autoriti (Sudipto Sarkar, 1993). Pandangan yang dikeluarkan secara saintifik berdasarkan pengetahuan yang luas oleh pakar yang berkelayakan adalah diterima sebagai keterangan pakar dalam mahkamah sebagai salah satu cara pembuktian. Secara ringkasnya, mahkamah akan menggunakan pendapat pakar bagi membuat keputusan antara dua pihak bertikai sekiranya isu atau masalah yang timbul adalah di luar kebijaksanaan dan kemampuan mahkamah.

Setiap negeri di Malaysia mempunyai Akta atau Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah tersendiri. Sungguhpun begitu, majoriti peruntukan dalam undang-undang bagi setiap negeri

ini adalah lebih kurang sama. Oleh itu, bagi konteks kajian ini, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 akan digunakan sebagai panduan.

Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah negeri-negeri mahupun Seksyen 45 Akta Keterangan 1950 tidak memberikan takrifan akan maksud “Pakar”. Namun, Singapura telah mengambil langkah yang efektif apabila membuat pindaan yang bersifat komprehensif kepada peruntukan saksi pakar mereka seperti yang terkandung dalam seksyen 47 Akta Keterangan Singapura yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2012. Pindaan tersebut adalah seperti berikut :

“Subject to subsection (4), when the court is likely to derive assistance from an opinion upon a point of scientific, technical or other specialised knowledge, the opinions of experts upon that point are relevant facts.”

Frasa bergaris merujuk kepada “pengetahuan saintifik, teknikal, atau pengetahuan khusus yang lain” (*scientific, technical or other specialised*) adalah mencakupi setiap lapangan dan disiplin ilmu yang berada dalam industri semasa. Pendekatan ini dilihat membuka ruang yang lebih besar kepada mana-mana pakar yang berkaitan adalah relevan untuk dikemukakan di Mahkamah Syariah (Mohd Sabree & Ruzman, 2020). Walaupun status berkaitan keterangan di Malaysia tidak memberikan takrifan khusus tentang maksud “pakar”, berdasarkan analisis kepada kes-kes duluan, pengiktirafan mahkamah kepada kepakaran seseorang hendaklah bergantung kepada pengalaman, latihan dan latar belakang serta kajian akademik.

Berbeza dengan negara kita, Singapura sekali lagi memberikan pengertian khusus tentang maksud pakar itu seperti dalam pindaan kepada Seksyen 47 (2) Akta Keterangan Singapura telah dipinda untuk memberikan takrifan kepada maksud pakar. Seksyen 47(2) tersebut menyebut “*An expert is a person with such scientific, technical or other specialised knowledge based on training, study or experience.*”

Prof. Dr. Anwarullah (2010) menyatakan pendapat yang diiktiraf sebagai pakar mestilah diambil daripada seseorang yang mempunyai kelayakan yang telah diakui sah, mempunyai pengetahuan, kemahiran, pengalaman yang luas dan latihan atau pendidikan yang berterusan dalam bidang berkaitan di samping ia sering menjadi rujukan oleh orang ramai. Disebabkan maksud pakar belum lagi dibangunkan oleh hakim-hakim di Mahkamah Syariah, maka adalah tidak bersalahan untuk merujuk kepada keputusan hakim-hakim yang bijaksana dalam kes-kes di Mahkamah Sivil.

Dalam kes *PP lwn Muhamed Bin Sulaiman [1982] MLJ 320*, Hakim Suffian LP mengatakan seseorang pakar itu mestilah seseorang yang berkemahiran dalam bidangnya yang dia perolehi daripada pengalamannya (*An expert must be skilled in his field. He may acquire this through experience*). Seterusnya dalam kes *Wong Chop Saow lwn. PP [1965] 1 MLJ 247*, hakim telah menyatakan bahawa bukti kelayakan seseorang pakar perlu dikemukakan di mahkamah terlebih dahulu sebelum pendapat mereka layak dianggap sebagai pandangan pakar

Mahkamah Sivil juga telah mengambil pendekatan yang fleksibel untuk menentukan kelayakan seseorang pakar serta telah membangunkan tafsiran yang meluas untuk dijadikan rujukan di Mahkamah Syariah. Satu ujian untuk menentukan seseorang itu pakar mahupun tidak telah dihuraikan oleh Hakim Mohamed Azmi SCJ dalam kes *Junaidi Bin Abdullah lwn PP [1993] MLJ 217* mengatakan antara ujian yang boleh digunakan bagi tujuan seksyen 45 Akta Keterangan 1950, pertama, adakah sifat sesuatu keterangan itu memerlukan kemahiran-kemahiran khas? Kedua, jika ya, adakah saksi pakar itu memperolehi kemahiran yang diperlukan itu sama ada melalui kelayakan akademik atau pengalamannya supaya beliau mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk menzahirkan pendapatnya tentang persoalan dalam pertikaian itu. Lebih kompleks dan saintifik sesuatu isu, lebih terperinci dan mendalam mahkamah akan mempersoalkan kelayakan dan pengalaman saksi pakar itu. Hakim lah sebagai penentu kepada persoalan fakta (*question of facts*) dan persoalan undang-undang (*question of law*) untuk menentukan nilai keterangan (weight) seseorang saksi pakar.

Dalam kes *Kon Nen Siew lwn. Lim Siew Hong [1971] 1 MLJ 262*, mahkamah memutuskan bahawa dalam satu-satu kes, mahkamah boleh memberikan pengiktirafan penghakiman (*judicial notice*) bahawa seseorang pakar itu telah memberikan pandangan pakarnya dalam kes-kes sebelum ini. Sementara itu, melalui kes *Pembangunan Maha Murni Sdn Bhd lwn. Jururus Ladang Sdn Bhd [1986] 2 MLJ 30*

Hakim Mahkamah Agung, Syed Agil Barakbah SCJJ mengatakan bahawa secara umumnya kesemua fakta yang berkaitan dengan isu yang dibicarakan dan fakta-fakta relevan mesti dibuktikan dengan mendatangkan keterangan yang berkaitan. Namun, terdapat pengecualian kepada prinsip umum tersebut iaitu fakta yang mendapat pengiktirafan penghakiman (*facts judicially noticed*) dan fakta yang diperakui (*facts admitted*) adalah termasuk dalam fakta yang tidak perlu dibuktikan. Fakta yang tidak perlu dibuktikan itu ada dinyatakan secara jelas dibawah peruntukan seksyen 56, 57 dan 58 Akta Keterangan 1950 yang bertajuk "*Facts which need not be proved*" yang memasukkan pengiktirafan penghakiman dibawah s 57(1) sebagai salah satu fakta tersebut.

Ketiadaan satu maksud standard tentang syarat kelayakan seorang yang boleh dikategorikan sebagai pakar di negara kita, secara positifnya, memberikan kebebasan kepada pihak-pihak yang bertelingkah di mahkamah untuk mendatangkan pakar mengikut kebijaksanaan tafsiran mereka. Kebolehterimaan keterangan itu sebagai keterangan pakar atau tidak adalah bergantung kepada ijihad dan pandangan hakim-hakim yang bijaksana. Justeru, peranan hakim-hakim Mahkamah Syariah terutamanya dalam meluaskan maksud pakar adalah sangat diperlukan untuk membolehkan tafsiran pakar dalam perundangan syariah ini berkembang. Walau bagaimanapun, disebabkan pemakaian ijihad yang tidak mengikat, ia memberi kepada ketidakseragaman tafsiran dan boleh membawa kepada permasalahan.

Perbezaan Keterangan Pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

Perbezaan utama antara peruntukan dalam enakmen keterangan syariah berbanding Akta Keterangan 1950 boleh dilihat dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Perbezaan Pendapat Pakar di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

PERUNTUKAN	ENAKMEN KETERANGAN SYARIAH (SELANGOR)	AKTA KETERANGAN 1950
Seksyen	33 (pendapat pakar)	45 (pendapat pakar)
Bentuk Penerimaan	<i>Qarinah</i>	Fakta berkaitan
Kategori pendapat pakar	Undang-undang negara asing Sains atau Seni Identiti Tulisan tangan Cap jari Penentuan nasab	Undang-undang negara asing Sains atau Seni Identiti Tulisan tangan Cap jari -

Sumber: *Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Akta Keterangan 1950.*

Jadual di atas menunjukkan perbezaan utama antara pendapat pakar dalam Enakmen Keterangan Syariah dan Akta Keterangan 1950 adalah dengan pertambahan satu lagi kategori iaitu tentang "penentuan nasab" dalam Enakmen Keterangan Syariah. Pendapat pakar akan dianggap sebagai *Qarinah* daripada segi kebolehterimaan menurut enakmen keterangan syariah manakala dalam Akta Keterangan 1950, pendapat pakar akan dikira sebagai fakta relevan. Perkara ini juga telah menimbulkan kekeliruan sama ada pendapat pakar yang diiktiraf sebagai *qarīnah* ini diterima sebagai fakta atau keterangan? Sekiranya diiktiraf sebagai fakta, maka ia merupakan fakta berkaitan (*relevant fact*) dan sekiranya pendapat pakar diiktiraf sebagai keterangan, maka ia merupakan keterangan keadaan (Mohd Sabree.N & Ruzman.MN, 2020).

Secara umumnya, pendapat hanya boleh diberikan oleh seseorang hakim setelah meneliti dan menilai fakta-fakta yang dikemukakan kepadanya (Ruzman, 2010). Dalam asas undang-undang keterangan, pendapat seseorang adalah dianggap tidak relevan disebabkan keterangan jenis pendapat tidak mempunyai bukti yang berkaitan dengan fakta dalam isu tersebut. Disamping terdapat kesukaran membezakan antara sesuatu "fakta" dan "pendapat". Pendapat pakar adalah satu pengecualian pada prinsip umum ini dan undang-undang memberikan ruang kepada keterangan pendapat pakar untuk dikemukakan di mahkamah dalam keadaan-keadaan yang tertentu.

Kebanyakan saksi dibenarkan hanya memberikan keterangan tentang fakta yang dibicarakan, namun saksi pakar adalah satu-satunya individu yang dibenarkan memberi keterangan tentang pendapat mereka (Rajamanickam & Abdul Rahim, 2014). Sekiranya keterangan itu berbentuk fakta, maka peraturan kebolehterimaan sesuatu fakta itu yang biasa digunakan adalah terpakai (*ordinary rules of admissibility applies*). Manakala sekiranya keterangan datang dalam bentuk pendapat pakar, maka kebolehterimaan itu perlu dinilai daripada keterangan berbentuk pandangan pakar berdasarkan seksyen 45 Akta Keterangan 1950. Perbezaan antara fakta dan keterangan pakar dapat dilihat dalam kes *Khoo Hi Chiang lwn. PP* [1994] 1 MLJ 265, Hakim Abdul Hamid Omar LP memutuskan bahawa keterangan saksi jurukimia tentang identiti dan berat dadah itu adalah keterangan fakta (*factual evidence*) dan bukannya keterangan berbentuk pendapat pakar (*opinion evidence*) sepertimana diperuntukkan dalam seksyen 45 Akta Keterangan 1950.

Isu-isu Berbangkit Berkaitan Keterangan Pakar di Mahkamah Syariah

a) Sama ada fatwa atau pendapat mufti boleh diterima sebagai pendapat pakar

Fatwa atau pendapat mufti merupakan salah satu instrumen perundangan Islam yang turut dijadikan rujukan di Mahkamah Sivil di Malaysia. Beberapa kes berkenaan pendapat mufti telah diterima sebagai keterangan pakar dalam Mahkamah Sivil antaranya kes *Majlis Agama Islam Pulau Pinang lwn. Abdul Latiff Hassan (sebagai Pentadbir bagi harta pusaka Hj Mohammad Hj Abdul Rasid, si mati) & dll* [2016] 2 CLJ 150, kes *Linggam Sundarajoo lwn Majlis Agama Islam Kedah Darul Aman* [1994] 2 CLJ 494, kes *Fathul Bari Mat Jahya & dll lwn. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & dll* [2012] 4 CLJ 717, kes *Majlis Agama Islam Pulau & Seberang Perai lwn. Khatijah Yoan & dll* [2010] 4 CLJ 592.

Dalam perkara berkenaan undang-undang Islam, para mufti adalah dikategorikan sebagai pakar dan pandangan mereka akan diguna pakai untuk menyelesaikan pelbagai pertikaian sama ada di Mahkamah Syariah mahupun sivil. Persoalannya sama ada pandangan mufti ini boleh dikira sebagai pandangan seorang pakar? Walaupun sukar untuk mengatakan pendapat mufti adalah pandangan pakar, namun undang-undang pentadbiran Islam, Enakmen dan Ordinan memperuntukkan bahawa kesaksian seorang mufti boleh diterima di mahkamah (Mohd Kamel.MS, Adibah Bahori & Mohamad Azhan Yahya, 2021).

Dalam kes *Fathul Bari Mat Jahya & dll lwn. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & dll*, dalam kes ini, Ustaz Fathul Bari telah dituduh dibawah Seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 kerana mengadakan ceramah agama tanpa tauliah. Beliau telah mencabar keesahan Seksyen 53 tersebut yang dikatakan bertentangan dengan Perkara 74(2) dan Perkara 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Kedua-dua pihak telah membawa hujah dan afidavit pandangan pakar dalam bidang agama iaitu Plaintiff telah mengemukakan afidavit daripada Tan Sri Dr. Haji Harussani Bin Haji Zakaria (Mufti Perak) dan Profesor Madya Dato' Alim Panglima Haji Mat Yahya Bin Haji Hussin (bekas Mufti Perlis) yang juga bapa kepada Plaintiff. Manakala Defendan telah mengemukakan afidavit daripada Tan Sri Sheikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman, Penasihat Undang-Undang Syariah di Jabatan Peguam Negara, Dato' Hj. Mohd Yusof Bin Hj. Ahmad (Mufti Negeri Sembilan), dan Ustaz Muhammad Fuad Bin Kamaludin, Pakar Akidah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. Hakim telah menganalisis setiap pandangan pakar tersebut dan telah bersetuju dengan pandangan Mufti Negeri Sembilan bahawa Seksyen 53 Enakmen adalah merupakan perintah atau arahan yang dibuat oleh *Uli Al-Amr* atau kerajaan negeri dan selagi perintah atau arahan tersebut tidak bercanggah dengan al-Quran atau As-Sunnah dan bukan merupakan perintah atau arahan untuk berkecimpung dalam maksiat, maka adalah wajib untuk orang-orang Islam mematuhi perintah atau arahan tersebut (Mohd Kamel.MS, Adibah Bahori & Mohamad Azhan.Y, 2021).

Dalam Kes *Muhammad Juzaili Bin Mohd Khamis & dll lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & dll* [2015] 3 MLJ 513 yang mana berlaku pertentangan keterangan antara pakar-pakar iaitu apabila pemohon telah mengemukakan pendapat pakar psikiatri, laporan klinikal seorang ahli psikologi dan ahli sosiologi untuk menguatkan dakwaan mereka bahawa perayu-perayu dalam kes ini menghidap sejenis penyakit *Gender Identity Disorder (GID)*. Manakala Kerajaan Negeri Sembilan telah mengemukakan pendapat mufti N.Sembilan yang telah dikritik oleh hakim Mahkamah Rayuan kerana tidak menyentuh tentang

pandangan Islam tentang kod berpakaian yang sepatutnya dipakai oleh lelaki-lelaki penghidap GID itu. Perlu diingatkan bahawa pandangan pakar dalam permohonan semakan kehakiman yang diberikan dalam bentuk affidavit bukan secara keterangan bersumpah sebagai seorang saksi yang tertakluk kepada pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas.

b) Sama ada pendapat pakar dalam kes-kes sihir boleh diterima

Seminar sihir dalam rumahtangga yang dianjurkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada sekitar Mei 2023 telah berusaha untuk mencari penyelesaian akan keperluan untuk menetapkan saksi pakar dalam kes-kes melibatkan berlakunya jenayah sihir. Beban pembuktian untuk kes jenayah sihir memerlukan golongan pakar dari pelbagai bidang kerana ia melibatkan amalan-amalan ritual sihir yang sukar dilihat oleh mata kasar. Namun elemen sihir dapat dilihat daripada kesan-kesan dan simptom yang ditunjukkan oleh mereka yang terkena ilmu sihir ini sama ada tanda yang terdapat di badan mahupun aspek mental dan spiritual mangsa sihir. Sekiranya si mangsa mengatakan dia telah disihir oleh seseorang, maka mimpi ngeri yang berlarutan, gangguan bunyi yang menyeramkan dan bau busuk adalah *Qarinah* yang boleh diterima sekiranya gangguan ini dapat dibuktikan secara zahir seperti mangsa mengalami kemurungan, histeria, gangguan emosi, susut berat badan dan pelbagai simptom lain yang telah disepakati oleh pakar perubatan Islam bahawa kesemua itu adalah orang yang terkena sihir (Zulfakar.RS, 2010).

Jelas bahawa golongan pakar dalam ilmu sihir sukar dikenal pasti kerana tiada badan yang berautoriti untuk mengiktiraf mereka sebagai pakar dan ketiadaan standard rujukan yang khusus dalam penetapan syarat dan kelayakan pengamal perubatan Islam atau pengamal alternatif yang lain termasuk daripada sudut ilmu perubatan melayu.

Dalam kes jenayah sihir di Mahkamah Syariah, Hakim Syarie seolah-olah mengiktiraf pendapat pakar perubatan dan perawat alternatif ini sebagai satu pendapat pakar yang mahir dalam mengenal pasti dan dapat menentang kesan ilmu sihir tersebut. Merujuk kes *Mustafa Batcha lwn A. Habeba Abd Rahman [1410] JH 41*, Mahkamah Rayuan Syariah telah meminta supaya dukun yang merawat perayu dipanggil untuk memberikan keterangan dan diterima sebagai pendapat pakar atau *rā'yu al-khabīr*. Hal ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah berusaha untuk menilai sesuatu pembuktian yang bukan hanya bersifat zahir sahaja.

c) Sejauh mana kebolehterimaan pendapat pakar bagi dokumen digital

Hasil kajian ke atas prinsip syariah berkaitan keterangan dokumen elektronik, ia hanya memperincikan definisi keterangan dokumen di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri (Negeri Selangor) 2003 dan menerima keterangan dokumen elektronik sebagai *Qarinah* yang disokong oleh sijil perakuan tentang kesahihan dokumen elektronik tersebut, saksi pembuat dokumen atau keterangan saksi pakar. Kebolehterimaan keterangan digital tidak dapat ditentukan dalam kes cerai *Ajmawati Binti Atan v Moriazi bin Mohamad [2005] 1 CLJ (SYA) 415*, menyebabkan kes tersebut diarahkan didengar semula dengan memberikan keterangan saksi. Keterangan tersebut boleh diterima sekiranya ia disokong oleh keterangan seseorang pakar yang boleh mengesahkan kesahihan dokumen tersebut.

Keperluan untuk memanggil keterangan pakar forensik digital adalah penting untuk mengesahkan keterangan berbentuk E-keterangan (*E-Evidence*) selain memanggil *maker* kepada bukti digital itu. Keterangan pakar forensik digital diperlukan terutama ketika ingin mendapatkan kembali data-data yang telah dibuang atau hilang. Akta Keterangan 1950 tidak menyatakan tentang kebolehterimaan keterangan forensik digital ini tetapi mahkamah telah menerima penemuan forensik digital ini sebagai pendapat pakar sekiranya prosedur ketika mengemukakan pendapat pakar dipatuhi.

Pihak kerajaan telah menubuhkan sebuah agensi pakar yang dikenali sebagai Cyber Security Malaysia (CSM) yang bertugas untuk memberikan keterangan forensik digital di mahkamah. CSM telah terlibat dengan pelbagai kes berprofil tinggi seperti kes pembunuhan Altantuya Shaariibuu, klip video V.K. Lingam, kes liwat Dato' Seri Anwar Ibrahim, kes perjudian atas talian semasa kejuaraan bola sepak dunia 2010 dan skim ponzi. Keperluan kepada pakar dalam forensik digital juga sangat diperlukan untuk mengesahkan ketulenan sesuatu dokumen digital dan menangani isu pemalsuan dokumen bagi

kes-kes di Mahkamah Syariah yang melibatkan permohonan pengesahan lafaz nikah dan cerai, poligami, tuntutan nafkah, harta sepencarian, pembahagian harta pusaka serta pengesahan dokumen hibah dan pindah milik yang lain. Undang-undang juga telah menetapkan bahawa kredibiliti, kelayakan, dan kepakaran pakar forensik digital ini hendaklah dipastikan terlebih dahulu sebelum pakar forensik memberikan pendapatnya di mahkamah.

Merujuk kepada kes *Halijah binti Abdul Rahman v Zambree bin Baharom [2009] 1 CLJ (SYA) 402*, Defendan telah menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) mengandungi mesej cerai taklik kepada Plaintif pada 12 Januari 2008. Plaintif telah melanggar taklik itu pada 13 Mac 2008. Mahkamah Rendah Syariah Port Dickson telah menerima bukti SMS tersebut dan mengesahkan telah berlakunya cerai taklik. Kes ini menunjukkan mahkamah telah menerima bukti digital seperti resit, bil telefon, gambar, CCTV dan lain-lain sejak 2004 (Wan Abdul Fattah et al., 2021b).

Polemik kaedah forensik digital juga pernah berlaku dalam kes *Khalid bin Abdul Samad v. Ketua Pendakwa Syarie Selangor (2018) 2 SHLR 47* apabila peguam perayu memohon kepada Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam membenarkan satu rakaman video dihantar ke Jabatan Forensik Digital, *Cyber Security Malaysia* untuk dianalisis akan kandungannya. Namun mahkamah telah menolak cadangan tersebut kerana perayu gagal menunjukkan keperluan undang-undang untuk berbuat sedemikian. Mahkamah berpendapat bahawa rakaman video tersebut hanyalah bukti sokongan disebabkan pihak pendakwa syarie telah berjaya membuktikan kes mereka melalui keterangan dua orang saksi yang kuat.

d) Ketidakbolehterimaan Pendapat Pakar Berkaitan DNA Bagi Penafian Nasab

Pembuktian melalui kaedah sains forensik ini telah diguna pakai pertama kali dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah v. Rosli Abdul Japar [2007] 23(2); JH 237*. Manakala dalam kes *Dalam kes Eddyham bin Zainuddin lwn Rahimah bt. Muhamad (2015), 40(2) JH 238*, Mahkamah Rayuan Syariah di Negeri Sembilan membincangkan dua isu penting: penggunaan bukti DNA untuk menafikan nasab dan tempoh masa bagi mencabar nasab seorang anak. Mahkamah memutuskan bahawa ujian DNA boleh digunakan untuk mengukuhkan nasab, tetapi tidak boleh digunakan untuk menafikan nasab jika anak itu dilahirkan dalam perkahwinan yang sah menurut undang-undang Islam. Keputusan ini adalah selaras dengan prinsip bahawa hanya proses li'an (sumpah laknat) boleh digunakan untuk menafikan nasab dalam kes konflik perkahwinan, dan bukti saintifik seperti DNA tidak boleh menggantikan prosedur berasaskan agama ini. Mahkamah juga menegaskan bahawa usaha untuk menafikan nasab mesti dilakukan segera setelah mengetahui kelahiran anak, berdasarkan prinsip qaul jadeed dalam fiqh Syafi'ie. Dalam kes ini, kelewatan suami selama tiga tahun selepas kelahiran anak untuk mencabar nasab dianggap terlalu lama, yang menyebabkan hak untuk menafikan nasab menjadi batal. Ini mengukuhkan bahawa undang-undang Islam mengutamakan tindakan segera dalam perkara-perkara yang melibatkan nasab.

e) Kedudukan Pendapat Pakar Bagi Kategori Yang Tidak Jelas

Satu lagi isu yang timbul ialah kebolehterimaan pendapat pakar yang tidak termasuk di dalam mana-mana kategori yang diperuntukkan dalam undang-undang secara jelas. Misalnya Dalam kes *Shahnaz Binti Majid v. Dato' Sri Mahmud Abu Bekir Taib [2018] 3 SLHR 15*, Mahkamah Tinggi Syariah telah menerima keterangan pendapat pakar untuk menentukan isu berkaitan kadar mutaah (pemberian yang wajib dibayar oleh suami kepada isteri setelah perceraian). Dalam kes ini, pakar yang dipanggil memberi keterangan berkaitan aset suami, dan beliau telah mengemukakan Laporan Penilaian Aset serta Ringkasan Laporan yang menyokong penilaian tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa keterangan pakar yang dikemukakan dalam kes tersebut adalah kompeten dan relevan kerana pakar tersebut diiktiraf sebagai ahli dalam bidangnya. Pengalaman luas beliau dalam menjalankan penilaian aset juga menambah kredibiliti kepada keterangan yang diberikan. Mahkamah menyatakan bahawa pendapat pakar tersebut boleh diterima kerana beliau telah lama berkecimpung dalam bidang penilaian aset, menjadikan keterangannya sebagai sumber yang dipercayai dan boleh dipertimbangkan dalam

membuat keputusan. Walau bagaimanapun, pendapat pakar ini tidak dijelaskan termasuk di bawah kategori yang mana sebagaimana peruntukan undang-undang.

Cadangan Penambahbaikan

Cadangan penambahbaikan untuk keterangan pakar di Mahkamah Syariah bertujuan untuk memastikan ia lebih relevan dan bermanfaat sebagai kaedah pembuktian. Penambahbaikan ini perlu dilakukan secara berterusan, dengan beberapa langkah khusus yang dapat dipertimbangkan. Pertama, pentafsiran yang jelas dan khusus berhubung dengan keterangan pakar dalam peruntukan enakmen perlu diwujudkan. Hal ini kerana masih terdapat kekaburan dalam tafsiran mengenai siapa yang boleh dianggap sebagai "pakar" dalam konteks Mahkamah Syariah. Tafsiran yang lebih terperinci dapat mengelakkan kekeliruan serta memastikan setiap keterangan pakar yang dibentangkan di mahkamah adalah sah dan relevan. Sebagai contoh, syarat kelayakan seseorang pakar harus ditetapkan dengan jelas untuk memastikan pendapat tersebut diiktiraf sebagai pendapat pakar, dan bukannya pendapat biasa. Syarat kelayakan ini boleh dinyatakan secara umum, seperti yang terdapat dalam Akta Keterangan Singapura, di mana pakar ditakrifkan sebagai individu yang mempunyai pengetahuan atau kemahiran khusus berdasarkan latihan, kajian, atau pengalaman. Pendapat yang diiktiraf sebagai pakar perlu datang daripada individu yang diakui mempunyai kelayakan sah serta pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam bidangnya, selain diiktiraf oleh masyarakat sebagai rujukan.

Satu lagi cadangan penting adalah meluaskan kategori pakar yang diakui dalam Mahkamah Syariah. Peruntukan di bawah Seksyen 33 Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah perlu dipinda supaya ia lebih komprehensif dan merangkumi pelbagai bidang kepakaran. Peruntukan sedia ada dilihat terhad dan tidak mencakupi semua pakar yang diperlukan dalam pelbagai industri dan bidang. Sebagai contoh, terdapat beberapa kategori yang dianggap tidak relevan atau jarang diaplikasikan di Mahkamah Syariah, manakala terdapat pakar yang sering dirujuk, seperti mufti negeri atau panel pakar dalam bidang syariah, akidah, tasawuf, muamalat, dan falak yang diiktiraf oleh JAKIM, tetapi tidak diperuntukkan secara jelas dalam kategori yang sedia ada. Mahkamah Syariah boleh mencontohi Akta Keterangan Singapura yang memperuntukkan bahawa pendapat pakar boleh diterima sebagai fakta relevan apabila mahkamah memerlukan pandangan pakar dalam perkara yang berkaitan dengan pengetahuan saintifik, teknikal, atau pengetahuan khusus lain. Pendekatan ini akan membuka ruang yang lebih luas untuk pakar-pakar yang berkaitan memberikan keterangan di Mahkamah Syariah, seterusnya membantu hakim membuat keputusan yang lebih adil dan tepat.

Selain itu, bagi frasa "*Qarinah*" yang dinyatakan di dalam semua peruntukan berkaitan pendapat pakar di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah perlu disemak semula supaya tidak menimbulkan kekeliruan berhubung dengan maksud *Qarinah* samada bermaksud fakta yang relevan atau keterangan berdasarkan keadaan. Kesimpulannya, cadangan-cadangan ini perlu dilaksanakan bagi memastikan keterangan pakar di Mahkamah Syariah menjadi lebih efektif dan komprehensif, serta selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan masyarakat semasa.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan yang telah dilakukan, dapat disimpulkan bahawa peruntukan khusus berkaitan pendapat pakar sememangnya wujud dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Keterangan pakar telah diiktiraf dan digunakan sebagai kaedah pembuktian sejak zaman Rasulullah. Namun begitu, pada masa kini, penggunaannya di Mahkamah Syariah dilihat kurang meluas, meskipun kes-kes yang dihadapi semakin kompleks dan memerlukan keterangan pakar dalam bidang tertentu. Langkah untuk mewujudkan garis panduan yang lebih jelas berkenaan pemakaian keterangan pakar di Mahkamah Syariah amat penting bagi memberikan pemahaman kepada masyarakat tentang hak dan ruang yang disediakan oleh undang-undang untuk menggunakan keterangan pakar dalam pembuktian. Keterangan yang diberikan oleh saksi pakar berperanan membantu mahkamah mencapai keputusan yang adil dan saksama. Isu utama yang menyebabkan kurangnya penggunaan keterangan pakar di Mahkamah Syariah ialah kekurangan dalam peruntukan statut, khususnya pada Seksyen 33 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Peruntukan berkaitan kategori keterangan pakar perlu dipinda dengan memberi ruang kepada pentafsiran yang lebih luas dan umum, seperti yang termaktub dalam Akta

Keterangan di Singapura. Penambahbaikan ini penting bagi memastikan kategori keterangan pakar lebih komprehensif dan sesuai dengan keperluan semasa. Selain itu, para hakim di Mahkamah Syariah perlu mengambil pendekatan yang lebih proaktif dan berani dalam mengaplikasikan keterangan pakar sebagai salah satu kaedah pembuktian yang sah dan relevan di dalam proses perbicaraan.

Rujukan

- Ajmawati Binti Atan v Moriaz bin Mohamad [2005] 1 CLJ (SYA) 415
 Akta Keterangan Singapura, 2012 (Singapore).
 Akta Keterangan, 1950 (Malaysia).
 Al-Kasaniyy, A. B. (1986). *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i* (2nd ed.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
 Allen, C. (2008). *Practical Guide to Evidence* (4th ed.). Routledge-Cavendish.
 Al-Mawwaq, A. A. M. (1994). *Al-Taj wa Iklil li Mukhtasar Khalil* (1st ed.). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
 Al-Nawawiyy, A. Z. M. (1991). *Rawdat at-Talibin wa Umdat al-Muftin* (3rd ed.). AL-Maktab al-Islamiyy.
 Al-Zayla'iy, F. (1892). *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq* (1st ed.). Al-Matba'ah AL-Kubra AL-Amiriyyah.
 Anwarullah. (2010). *Principles of Evidence in Islam*. A.S. Noordeen.
 Basudeo Gir v. State, AIR 1959 Pat. 539
 Chandrasekaran & Ors v Pendakwa raya [1971] 1 MLJ 153
 Eddyham bin Zainuddin lwn. Rahimah bt. Muhamad JH 40 BHG. 2 1436H
 Enakmen Keterangan Mahkamah (Negeri Selangor), 2003 (Selangor).
 Fathul Bari Mat Jahya & dll lwn. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & dll [2012] 4 CLJ 717
 Fatimah Yusro, Anisa Che Ngah, & Mohammad Azhan. (2018). Penentuan Nasab melalui Prinsip Undang-undang Keterangan Islam. *JUUM*, 28, 57-66. <https://doi.org/10.17576/juum-2021-28-06>
 Freckelton, I., & Selby, H. (2013). *Expert Evidence, Law Practice, Procedure and Advocacy* (5th ed.). Thomson Reuters.
 Halijah binti Abdul Rahman v Zambree bin Baharom [2009] 1 CLJ (SYA) 402
 Hisham Halim lwn. Maya Dato' Ahmad Fuaad [2018] 1 MSLR
 Ibn Manzur. (2006). *Lisan al-Arab*. Dar al-Akhyar.
 Ibn Qayyim al-Jauziyyah. (1977). *Al-Turuq al-Hukmiyyah*. Matba'ah al-Madani.
 Ibrahim Mustafa. (1990). *al-Mu'jam al-Wasit*. Dar al-Da'wah.
 Irwan Mohd Subri & Fakhri Zulkiple. (2016). Analisis Fatwa Semasa Di Malaysia: Pandangan Pakar Dalam Keputusan Hukum Pengharaman Vape.
 Junaidi Bin Abdullah lwn PP [1993] MLJ 217
 Khalid bin Abdul Samad v. Ketua Pendakwa Syarie Selangor (2018) 2 SHLR 47
 Kon Nen Siew lwn. Lim Siew Hong [1971] 1 MLJ 262
 Linggam Sundarajoo lwn Majlis Agama Islam Kedah Darul Aman [1994] 2 CLJ 494
 Mahmud Saedon A. Othman. (2003). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Dewan Bahasa & Pustaka.
 Majlis Agama Islam Pulau & Seberang Perai lwn. Khatijah Yoan & dll [2010] 4 CLJ 592
 Mohamad Ridzuan Zainudin. (2012). *Pembuktian DNA di Mahkamah Syariah*. Majlis Agama Islam Selangor.
 Mohd Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, & Mohamad Azhan Yahya. (2021a). Fatwa sebagai rujukan dan autoriti di Mahkamah Sivil Malaysia. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 11(1).
 Mohd Kamel Mat Salleh, Adibah Bahori, & Mohamad Azhan Yahya. (2021b). Position of Fatwa in The Constitution: A Legal Analysis. *Pertanika Journals, Social Science & Humanity*, 29(4), 2171-2188.
 Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2020). Kategori keterangan pendapat pakar di Mahkamah Syariah: Isu dan Cadangan Pelaksanaan undang-undang. *Journal of Shariah Law Research*, 5(1), 35-54.
 Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2021). Pemakaian Keterangan Pendapat Pakar Sebagai Kaedah Pembuktian Di Mahkamah Syariah: Isu Dan Cabaran. *Jurnal 'Ulwan Special Issue I: Kolokium Penyelidikan Ijazah Tinggi*, 6(1), 172-192.

- Mohd Sabree Nasri, Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Al Adib Samuri, & Abu Suffian Abu Yaziz. (2017). Keterangan pakar sebagai cara pembuktian di Mahkamah Syariah. In *E-Proceeding of the 4th World Conference on Integration of Knowledge 2017 (WCIK 2017)* (e-ISBN: 978-967-0792-17-0).
- Muhammad Hatta, Tengku Noor Azira Tengku Zainuddin, & Cut Khairunnisa. (2015). Role of the Doctor as Expert Witness in Medical Malpractice Case. In *Proceedings of The 1st Almuslim International Conference on Science, Technology and Society (AICSTS) 2015*.
- Muhammad Hazim Ahmad, Ahmad Syukran Baharuddin, Mohamad Anwar Zakaria, Noraishah Nordin, Siti Khadijah Ishak, & Nur Khairina Othaman. (2020). Bukti Saintifik dan penerimaannya di Mahkamah Syariah; Analisis perundangan bagi undang-undang keterangan Mahkamah Syariah. *Dewan Bahasa dan Pustaka, 32 Kanun*(1).
- Muhammad Juzaili Bin Mohd Khamis & dll lwn. Kerajaan Negeri Sembilan & dll [2015] 3 MLJ 513
- Mustafa Batcha lwn. A Habeba Abd Rahman [1410] JH 41
- Noresah Baharom et al. (2010). *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhayati Binti Yusoff Lwn. Ahmad Shah Bin Ahmad Tabrani [2008] 27 JH (1) 33-50
- Pembangunan Maha Murni Sdn Bhd lwn. Jururus Ladang Sdn Bhd [1986] 2 MLJ 30
- Pendaftar, Perkahwinan, Penceraian dan Rujuk Orang Islam Daerah Melaka Tengah lwn. Mohd Sofian bin Mohd & Zaiton binti Aziz (Kes Mal No: 04500-042-0002-2008)
- Pendakwa Syarie Negeri Sabah v. Rosli Abdul Japar [2007] 23(2) JH 237
- PP lwn Muhamed Bin Sulaiman [1982] MLJ 320
- Ramalinggam Rajamanickam, Anita Abdul Rahim, & Anisah Che Ngah. (2012). Kedudukan keterangan pakar forensik di bawah Seksyen 45 Akta Keterangan 1950. In *Proceedings of International Conference on Public Policy and Social Science*. UiTM Melaka Malaysia.
- Sarkar, S., & Manohar, V. R. (1993). *Sarkar Evidence* (9th ed.). Butterworths.
- Shahnaz Bt Majid V Dato' Sri Mahmud Abu Bekir Taib [2018] 3 SLHR 15
- Suhaizad Saifuddin, Ahmad Azam Mohd Shariff, & Muhamad Helmi Md Said. (2022). *Keterangan Jenayah Syariah di Malaysia, Pemakaian Beban dan Darjah Pembuktiaan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Khairi Wan Azmi dan Farah Nurliliana Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344
- Wong Chop Saow lwn. PP [1965] 1 MLJ 247
- Zulfakar Ramlee Saad. (2010, July 21). Pendakwaan jenayah sihir: Prinsip-prinsip pembuktian dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah [Paper presentation]. Muzakarah Pakar: Pendakwaan Pesalah Sihir di Mahkamah Syariah, Shah Alam, Malaysia.